

PENGARUH FAKTOR PERSONAL, PSIKOLOGI ORGANISASI
DAN SITUASI KE ATAS KOMITMEN SUKARELAWA
MAHASISWA TERHADAP PERSATUAN
KESUKARELAAN

SITI NAZILAH BINTI MAT ALI

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

1091

HN 49 V64 S5 2013



1100090957

Pengaruh faktor personal, psikologi organisasi dan situasi ke atas komitmen sukarelawan mahasiswa terhadap persatuan kesukarelaan / Siti Nazilah Mat Ali.



PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)

21030 KUALA TERENGGANU

110009095?

110009095?

Lihat Sebelah

HAK MILIK

PUSAT PENDIDAKAN DIGITAL SULTANAH MUR ZAHIRAH

PENGARUH FAKTOR PERSONAL, PSIKOLOGI ORGANISASI DAN SITUASI
KE ATAS KOMITMEN SUKARELAWAN MAHASISWA TERHADAP
PERSATUAN KESUKARELAAN

SITI NAZILAH BINTI MAT ALI

TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI


2013

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

15 Ogos 2013

SITI NAZILAH BINTI MAT ALI
P 50738



PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kepada Allah S.W.T. kerana memberikan saya kesihatan, kekuatan, ketenangan, kesabaran, masa, daya fikir dan disiplin untuk menyiapkan kajian ini. Jutaan terima kasih kepada suami tercinta dan anak-anak tersayang atas segala sokongan dan saling memahami untuk terus memberi semangat kepada saya agar kajian ini dapat disempurnakan. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Ustaz Mokhtar Salleh dan Dr. Syed Hadzrullathfi Syed Omar atas kuliah-kuliah agama yang disampaikan yang mana secara tidak langsung sentiasa mengingatkan saya kepada keredhaan Allah S.W.T., amanah dan tanggungjawab untuk saya menyiapkan kajian ini. Jutaan terima kasih kepada penyelia utama Prof. Madya Dr. Rozmi Ismail atas sokongan, bimbingan, bantuan, idea kritikal, teguran dan nasihat yang diberikan sepanjang kajian ini dilaksanakan. Jutaan terima kasih kepada penyelia bersama Dr. Fauziah Ibrahim atas bimbingan, bantuan, sokongan, ketelitian, kata-kata semangat, teguran dan nasihat yang diberikan. Kepakaran kedua-dua penyelia yang saling melengkapi, profesionalisme dan persefahaman antara penyelia dan penyelidik banyak membantu saya untuk menyiapkan kajian ini. Selain itu, jutaan terima kasih kepada para pensyarah yang memberi sumbangan kepakaran dan idea, perkongsian ilmu dan kritikan membina ketika pembentangan-pembentangan kajian dan siri-siri wacana siswazah. Seterusnya, terima kasih kepada pihak kedekanan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) atas skim bantuan penyelidikan yang disediakan yang mana dapat membantu untuk menampung kos penyelidikan. Begitu juga, terima kasih kepada semua kakitangan Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia dan kakitangan FSSK yang terlibat secara langsung atau tidak langsung atas segala perkhidmatan yang diberikan.

Banyak data bagi penulisan ini telah diperoleh daripada Perpustakaan Tun Seri Lanang UKM, Perpustakaan Nur Zahirah UMT, Perpustakaan Awam Negeri Terengganu, Pusat Sumber Psikologi UKM, Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar di IPTA, Yayasan Budi Penyayang Malaysia dan persatuan-persatuan kesukarelaan mahasiswa di IPTA. Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kakitangan profesional mahupun sokongan yang berkhidmat di agensi-agensi yang berkenaan dan ahli jawatankuasa persatuan-persatuan kesukarelaan mahasiswa di IPTA kerana telah memberikan perkhidmatan yang baik dan mesra pelanggan. Pangkalan data dan perkhidmatan atas talian juga telah banyak membantu untuk memudahkan dan mempercepatkan proses perolehan data.

Ucapan terima kasih juga saya hulurkan kepada pembantu penyelidik yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Kelab Penyayang di IPTA atas usaha, kerjasama dan dedikasi yang telah banyak membantu saya ketika menjalankan kerja-kerja pengumpulan data di lapangan. Tidak lupa juga kepada sukarelawan mahasiswa yang bersetuju dan bersedia untuk menjadi sampel kajian. Tanpa kerjasama saudara-saudari, sudah pasti kajian ini tidak dapat dijayakan.

ABSTRAK

Sukarelawan merupakan sumber penting kepada agenda pembangunan masyarakat. Dalam tempoh antara bulan Januari 2008 hingga Disember 2010, menurut statistik hanya terdapat dua hingga tiga peratus sahaja pertubuhan sukarela berbentuk kesukarelaan. Senario yang sama turut berlaku di Institusi Pengajian Tinggi Awam. Peratusan yang rendah dan kurangnya sumber rujukan kajian berkaitan dengan kesukarelaan dalam kalangan mahasiswa telah mendorong agar satu kajian dilaksanakan untuk menarik minat dan membantu meningkatkan komitmen mahasiswa terhadap pertubuhan sukarela yang berbentuk kesukarelaan. Oleh itu, satu kajian telah dijalankan untuk mengenal pasti hubungan dan pengaruh faktor personal (demografi dan motivasi), psikologi organisasi (kepuasan) dan situasi (prestasi dan tekanan beban akademik) ke atas komitmen sukarelawan mahasiswa terhadap persatuan kesukarelaan. Kaedah tinjauan keratan rentas digunakan untuk mengumpul data kajian. Sampel kajian ($n = 310$) terdiri daripada sukarelawan mahasiswa yang terlibat dengan persatuan kesukarelaan di empat buah Institusi Pengajian Tinggi Awam di Semenanjung Malaysia dan mereka dipilih secara rawak berstrata. Alat pengukuran yang diubahsuai daripada *Volunteer Functions Inventory (VFI)*, *Job Descriptive Index (JDI)*, *Organizational Commitment Questionnaire (OCQ)* dan *Academic Stress Scale (ASS)* telah digunakan untuk mencapai objektif kajian. Hasil kajian mendapati bahawa tahap motivasi, kepuasan, prestasi, tekanan beban akademik dan komitmen sukarelawan mahasiswa terhadap persatuan kesukarelaan berada pada tahap sederhana ke tahap yang sangat tinggi. Hasil kajian juga mendapati motivasi untuk belajar melalui pengalaman, kepuasan terhadap teman sepersatuan yang menggalakkan, tekanan gred akhir dan kebanggaan menjadi ahli persatuan merekodkan min item tertinggi. Hasil kajian seterusnya mendapati faktor jantina ($r_{pb} = .192$, $p < .01$), tahun pengajian ($\eta = .195$, $p < .01$), motivasi ($r = .23$, $p < .01$) dan kepuasan ($r = .42$, $p < .01$) mempunyai hubungan positif dengan komitmen sukarelawan mahasiswa terhadap persatuan kesukarelaan. Faktor perempuan ($\beta = .13$, $p < .05$), tahun satu ($\beta = .16$, $p < .05$), motivasi ($\beta = .15$, $p < .01$) dan kepuasan ($\beta = .38$, $p < .001$) didapati mempunyai pengaruh ke atas komitmen sukarelawan mahasiswa terhadap persatuan kesukarelaan. Faktor kepuasan dikenal pasti sebagai faktor peramal terbaik dari segi komitmen sukarelawan mahasiswa terhadap persatuan kesukarelaan. Implikasi kajian ini diharapkan dapat membantu Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia untuk menyediakan data asas dan menyusun strategi berkesan ke arah meningkatkan komitmen sukarelawan mahasiswa terhadap persatuan kesukarelaan.

THE INFLUENCE OF PERSONAL, ORGANIZATIONAL AND SITUATIONAL PSYCHOLOGY ON COMMITMENT AMONG UNDERGRADUATE VOLUNTEERS TOWARDS VOLUNTEER SOCIETY

ABSTRACT

Volunteers are valuable resources for the community development. Statistic has revealed that only two to three per cent of volunteer organizations pertaining to volunteerism for the period of January 2008 to December 2010. The same situation happens in the Public Higher Education Institutions. The low rate of the percentage and the lack of references on volunteerism research among undergraduate volunteers have compelled a research as to attract attention of undergraduates and to increase their commitment towards volunteer organizations that concern with volunteerism. Therefore, this study aims to identify relationships and influence of personal (demographic and motivation), organizational (satisfaction) and situational psychology (academic achievement and academic stress) on commitment towards volunteer society among undergraduate volunteers. This study used a cross-sectional survey to collect the research data. Samples ($n = 310$) were undergraduate volunteers who are involved with volunteer societies in four Public Higher Education Institutions in Peninsular Malaysia and they were selected proportionately and randomly. An adaptation of Volunteer Functions Inventory (VFI), Job Descriptive Index (JDI), Organizational Commitment Questionnaire (OCQ) and Academic Stress Scale (ASS) were used to obtain the research objectives. The results found that motivation, satisfaction, academic achievement, academic stress and commitment towards volunteer society were from moderate to very high level. The results also found that experiential learning motivation, satisfaction on stimulating colleague, final grade stress and pride of being a society member had recorded the highest mean of items. Besides, the results found that gender ($rpb = .192, p < .01$), year of study ($\eta = .195, p < .01$), motivation ($r = .23, p < .01$) and satisfaction ($r = .42, p < .01$) had positive correlations with commitment towards volunteer society among undergraduate volunteers. Female ($\beta = .13, p < .05$), year one ($\beta = .16, p < .05$), motivation ($\beta = .15, p < .01$) and satisfaction ($\beta = .38, p < .001$) had influences on commitment towards volunteer society among undergraduate volunteers. The research has identified satisfaction as the best predictor of commitment towards volunteer society among undergraduate volunteers. The implication of this study is to assist Ministry of Higher Education Malaysia in term of providing a database and effective strategies to increase commitment of undergraduate volunteers towards volunteer society.